




SEMUA YANG AWDA PERLU KETAHUI MENGENAI

MONKEYPOX

Setakat 25 Jun 2022

@mohbrunei | www.moh.gov.bn





APAKAH DIA MONKEYPOX (CACAR MONYET)?

Monkeypox adalah penyakit virus zoonosis yang sebahagian besarnya berlaku di Afrika Tengah dan Barat, dan kadangkala dieksport ke wilayah lain.

ia biasanya adalah penyakit yang terhad dengan **simptom berlarutan dari 2 ke 4 minggu.**

Tempoh inkubasi adalah antara **5 hingga 21 hari.**





APAKAH DIA MONKEYPOX (CACAR MONYET)?


Walaupun baru-baru ini beberapa negara di mana penyakit ini tidak biasa berlaku contohnya Eropah dan Amerika Syarikat telah melaporkan kes-kes Monkeypox, **penyakit ini jarang berlaku dan tidak mudah merebak antara seseorang tanpa kontak langsung.**





BAGAIMANA MONKEYPOX MENULAR?

Penularan berlaku apabila seseorang mempunyai kontak langsung dengan virus melalui orang yang dijangkiti atau persekitaran yang tercemar.



Penularan dari manusia ke manusia adalah terhad, dan **memerlukan kontak secara langsung** dengan titisan cecair pernafasan atau luka pada kulit orang yang dijangkiti, atau barangan tercemar.





TANDA-TANDA DAN SIMPTOM MONKEYPOX



Demam




**Sakit
kepala**



**Sakit
otot**



**Sakit
belakang**



**Bengkak
kelenjar limfa**



Menggigil




Keletihan





TANDA-TANDA DAN SIMPTOM MONKEYPOX

1 ke 5 hari selepas bermulanya demam seseorang yang dijangkiti akan mengalami ruam, selalunya bermula dari muka sebelum merebak ke bahagian lain pada badan.



Ruam selalunya mula muncul sebagai makula, berkembang berturut-turut kepada papula, vesikel, pustula, kerak dan kudis. Seseorang individu boleh berjangkit sehingga semua kudis telah hilang.





MENCEGAH PENULARAN MONKEYPOX

Beberapa langkah pencegahan yang boleh diambil:

1

Elakkan kontak dengan sebarang barangan yang telah bersentuhan dengan pesakit yang dijangkiti Monkeypox, terutama sekali jika awda tidak menggunakan peralatan pelindung diri (PPE).

2

Asingkan pesakit yang dijangkiti daripada orang lain yang mungkin berisiko untuk dijangkiti.





MENCEGAH PENULARAN MONKEYPOX

3

Amalkan kebersihan tangan yang baik. Contohnya, mencuci tangan dengan sabun dan air atau menggunakan sanitizer tangan beralkohol.

4


Gunakan peralatan pelindung diri (PPE) semasa menjaga pesakit.





RAWATAN BAGI JANGKITAN MONKEYPOX

Rawatan biasanya bersifat suportif, melalui rawatan gejala penyakit dan komplikasinya. Ubat antiviral bagi Monkeypox khususnya akan diberikan kepada mereka yang berisiko tinggi mendapat penyakit teruk jika dijangkiti, umpamanya mereka yang mempunyai daya imun yang lemah.



Manakala pencegahan dengan vaksinasi Monkeypox boleh digunakan bagi golongan yang tertentu yang telah terdedah, tanpa PPE, kepada Monkeypox.